

KEPERLUAN LATIHAN KEMAHIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

Ab. Halim Tamuri¹, Husnaa Salehah Yahya², Nur Hanani Hussin³ & Mohd Isa Hamzah⁴

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^{1,4}

SMK Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor²

Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia³

abhalim@ukm.edu.my¹

ABSTRACT

The aim of this study was to determine the level of teaching skills among secondary school Islamic Education teachers in the state of Selangor. The focuses of this study were teacher readiness on lesson planning, implementation of teaching and learning process, teacher supervision skill, testing and evaluation skill, and classroom management. This was also to study needs of training among Islamic teaching based on 'Training On Demand'. This study used was a quantitative study using a se of questionnaire to collect data from 200 Islamic education teachers. They were selected from 25 secondary schools in three zones i.e. northren zone, central zone and southern zone in Selangor. A pilot study was also carried out and the Alpha Cronbach's value was 0.974. The data were descriptively and inferentially analysed using percentage, mean dan t-test. In general, the finding showed that the level of teaching skills among Islamic education teacher was high as well as the needs from teachers for Training on Demand was also high. Thus, the finding from this study could be used as a foundation to design training frame work and contents for Islamic education teachers in future.

Keywords: Islamic Education Teacher. Training, Course, Teaching Skill.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor. Fokus kajian ini ialah aspek kemahiran perancangan persediaan guru, kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, kemahiran guru memantau, mentaksir dan menilai serta kemahiran mengurus bilik darjah. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti tahap keperluan guru Pendidikan Islam dalam latihan berasaskan 'Training on Demand'. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan bagi mengumpul data daripada 200 orang guru Pendidikan Islam. Mereka dipilih dari 25 buah sekolah menengah kebangsaan di tiga zon iaitu zon utara, zon tengah dan zon selatan di negeri Selangor. Satu kajian rintis untuk borang soal selidik juga telah dijalankan dan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi ialah 0.974. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan peratusan, min dan ujian-t. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran pengajaran guru Pendidikan Islam di negeri Selangor berada pada tahap tinggi dan begitu tahap keperluan Training on Demand juga berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini dapat menjadi asas kepada perancangan merekabentuk latihan dan kandungannya untuk guru-guru pendidikan Islam pada masa hadapan.

Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam, Latihan, Kursus, Kemahiran Pengajaran.

PENGENALAN

Guru secara umum dan guru Pendidikan Islam secara khususnya berperanan untuk membentuk manusia daripada segi perwatakan, penampilannya serta haruslah memiliki kualiti sebagai guru yang ideal. Ianya sering kali diukur melalui penguasaannya dalam teori dan praktikal serta mampu mengintegrasikan kognitif, afektif dan psikomotor. Untuk merealisasikan hasrat sistem pendidikan, tidak dapat dinafikan tanggungjawab dan peranan pendidik akan lebih mencabar kerana pengubahsuaian fungsi guru sebagai pemudahcara apatah lagi dalam era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta pendidikan abad ke-21 yang menuntut warga pendidik untuk lebih berusaha gigih bagi menghasilkan produk yang benar-benar berilmu, berakhlak mulia, mempunyai jati diri dan berdaya saing bersendikan iman dan taqwa.

KEPERLUAN KEMAHIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN TRAINING ON DEMAND

Dalam konteks pendidikan, guru merupakan nadi bagi sistem pendidikan dan kualiti guru adalah penggerak utama dalam menentukan pendidikan yang berkualiti (Rafisah Osman, 2009). Umumnya, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membangunkan Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan sebagai usaha jangka panjang bagi meningkatkan kualiti pendidikan terutama profesion perguruan. Antara usaha lain yang telah dijalankan bagi mencapai kualiti pendidikan tersebut ialah menyediakan Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM), Anugerah Kualiti Menteri Pelajaran (AKMP), International Organization of Standard (ISO), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM), Penunjuk Prestasi Utama (KPI) dan yang mutakhir Standard Guru Malaysia (KPM, 2009) versi pertama dan SGM versi Kedua (KPM, 2019).

Namun, persoalannya, adakah guru Pendidikan Islam (GPI) menepati tahap kualiti yang diingini berdasarkan konsep lima mim iaitu muddaris, muallim, muaddib, murrabi dan mursyid seperti yang disarankan para sarjana perlu dilihat secara mendalam oleh para pengkaji kerana realitinya berbeza dengan konsep guru dalam Islam (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2019, Ab. Halim, 2015). Dalam satu kajian oleh Mahasri et al. (2008), beliau mendapati antara kelemahan guru ialah mengolah sukatan; menggunakan strategi yang dominan iaitu syarahan; pembelajaran secara konvensional; dan guru tidak berkemahiran membuat penilaian sebagai refleksi untuk pembelajaran seterusnya. Menurut Nur Hanani & Ab. Halim (2017) budaya ilmu juga berkait rapat dengan usaha guru melakukan refleksi terhadap pengajaran mereka. Keperluan pembelajaran dalam kalangan guru untuk mencapai kecemerlangan yang berterusan dalam profesion mereka untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Malah, sebelum ini kajian Ahmad Yunus et. al (2010) telah mendapati terdapat guru-guru pendidikan Islam masih lagi cenderung menggunakan kaedah kuliah dalam proses pengajaran dan pembelajaran akidah. Beliau juga mendapati guru-guru pendidikan Islam lebih cenderung menggunakan kaedah kuliah dalam proses pengajaran dan pembelajaran aqidah. Maka, pada era Revolusi Industri 4.0, keperluan kepada pembelajaran berasaskan teknologi semakin diperlukan termasuk dalam bidang pengajian Islam terutama dalam kalangan generasi digital (Zamri, 2016; Ab. Halim, 2021). Zetty et. al (2020) menegaskan bahawa dalam pelaksanaan integrasi kurikulum di sekolah-sekolah perlu melibatkan aktiviti pembelajaran yang interaktif disamping penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi menarik minat murid-murid.

Pada dasarnya, guru profesional dan berkualiti sering dinilai melalui ilmu dan kemahirannya yang tinggi. GPI perlu melengkapkan diri dengan latihan khusus bagi mengukur

kesediaan dan kemahiran mereka. Maka, pihak kementerian merangka Latihan Dalam Perkhidmatan sebagai jalan keluar yang merujuk kepada usaha untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti tinggi iaitu yang mempunyai kompetensi dalam bidang ilmu pengetahuan (content knowledge), amalan pedagogi (pedagogical skills), soft-skills (Kamarul & Ab. Halim, 2019). Mereka juga memahami matlamat pendidikan negara serta dapat mempraktikkan 'best classroom practices' dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pemantapan latihan perguruan dan (KPM, 2016). Maka timbul persoalan apakah kursus dan latihan yang dilaksanakan dapat memenuhi jurang kemahiran dan kekurangan kreativiti guru dalam mevariasi strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah? Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk mengenal pasti isu-isu latihan dengan keperluan sebenar guru-guru. Secara konsepnya, profesion perguruan memerlukan guru menjalani latihan secara profesional berterusan yang diadakan dalam tempoh perkhidmatan mereka sebagai pendidik.

Walaupun terdapat penyelidikan yang mengkaji tentang keperluan guru berkursus untuk peningkatan kemahiran dan profesionalisme guru tetapi belum ada penyelidikan khusus untuk mengenal pasti reka bentuk kursus atau latihan yang diperlukan. Pengkaji mencadangkan konsep Training on Demand (TOD) boleh dijadikan asas dalam pembangunan reka bentuk dan kandungan model TOD khusus untuk guru-guru pendidikan Islam. Dengan kata lain, kajian berasaskan konsep pembangunan Training on Demand (TOD) secara efektif boleh dilihat sebagai satu keperluan untuk mengenal pasti secara lebih sistematik keperluan kepada sistem latihan untuk guru-guru pendidikan Islam khususnya. Ini disokong oleh Wilson et al. (2011) dalam kajiannya mencadangkan pembinaan 'A System of Support of Quality Teaching'. Oleh yang demikian, profesion perguruan memerlukan guru menjalani latihan secara profesional diadakan dalam tempoh perkhidmatan. Walaupun terdapat penyelidikan yang mengkaji tentang keperluan guru berkursus untuk peningkatan kemahiran dan profesionalisme guru tetapi masih kurang penyelidikan khusus untuk mengenal pasti reka bentuk kursus atau latihan yang diperlukan.

Guru yang berkualiti dinilai daripada pengetahuan dan kefahamannya yang jelas tentang kandungan pelajaran tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Justeru, untuk membina model TOD GPI yang dilihat pengkaji sebagai satu mekanisme penyelesaian masalah dengan lebih cepat, keperluan membina konstruk guru berkesan bercirikan Standard Guru Malaysia mestilah didahulukan. Aset pengalaman dan kompetensi yang ada pada GPI harus diintegrasikan bagi menganalisis keperluan guru seterusnya membangunkan satu model TOD bagi memartabatkan Guru Pendidikan Islam dalam dunia pendidikan. Dalam konteks kajian ini, TOD bermaksud latihan berdasarkan keperluan atau permintaan secara bersistematik, mempunyai perancangan jangka masa panjang, berstruktur, pemindahan latihan secara efektif. Ianya juga boleh ditakrifkan sebagai latihan yang diperlukan oleh kakitangan sewajarnya menepati kehendak bidang tugas. Keadaan ini dibuktikan apabila kajian Nasiriah (2001), Lilia Halim et al. (2006) dan Alias (2011) mendapati keperluan latihan mengikut bidang perlu diutamakan.

Idea 'Training on Demand' (TOD) dicetuskan bidang perniagaan dalam mendepani cabaran ledakan teknologi maklumat. 'Designed based on business needs to train workers using a methodology that is perceived to be better and faster' Justeru, dunia pendidikan turut terkesan dengan anjakan paradigma tersebut. (Chien et al., 2007). Dalam dunia perniagaan, 'TOD' (TOD) menawarkan latihan pembangunan staf secara maya di mana-mana sahaja tidak mengira tempat atau masa dengan kos yang efektif serta impak yang pantas. Cara penyampaiannya adalah secara atas talian, menerusi video, buku kerja, fail audio, panduan 'quick tips' dan soalan atas talian. Dalam dunia pendidikan, 'TOD' dilihat sebagai satu mekanisme penyelesaian masalah pengajaran

dengan lebih cepat berasaskan laman web dengan berkongsi pengalaman dan kecekapan sebagai aktiviti asas untuk pembangunan pengetahuan organisasi yang baru. Ia adalah model yang menekankan pembelajaran aktif dan penyelesaian masalah (Chein et al., 2007). Konsep TOD yang disyorkan berpusat di sekolah kluster yang bertindak sebagai kawasan latihan tempatan bertujuan memudahkan pertukaran bahan. Melaksanakan latihan tempatan dalam perkhidmatan dikenal pasti akan meningkatkan kualiti latihan perkhidmatan sebagai keperluan sebenar guru-guru ditambah dengan gabungan bentuk pengajaran yang berbeza dan gabungan optimum dari individu guru. (Karagiorgi & Symeou, 2007). Maka dalam konteks pembangunan profesion guru yang berterusan, program pembangunan profesional biasanya perlulah seiring dengan keperluan latihan yang perlu dijalankan bagi menjamin pembelajaran sepanjang hayat untuk mengekal dan menambahkan pengetahuan sedia ada (Mohd Izham & Mazlan, 2018). Fokus utama dan objektif program latihan yang dijangka mampu mendatangkan kesan yang positif mestilah disesuaikan dengan keperluan profesional guru sebagaimana menurut Faizah (2003: 6-7):

Keperluan latihan boleh dijelaskan dengan melihat komponen seperti pengetahuan, kemahiran dan kecekapan, sikap serta nilai dan informasi. [Ia] Perlu menjelaskan komponen-komponen ini supaya keperluan latihan boleh dibincang mengikut tajuk, bidang latihan dan modul-modul. Ia juga membolehkan seseorang 'trainer' untuk memilih aktiviti latihan yang sesuai dan membina objektif program.

Ini selaras dengan Muhammad Faizal dan Abd Khalil (2015:2) juga menjelaskan “Dengan kata lain, perkembangan profesionalisme guru merupakan mekanisme utama untuk memenuhi keperluan perubahan dalam pendidikan. Hasrat tersebut hanya akan tercapai sekiranya guru disediakan program perkembangan profesionalisme yang berkualiti”.

Untuk membina model TOD dalam pendidikan yang dilihat pengkaji sebagai satu mekanisme penyelesaian masalah dengan lebih cepat, keperluan membina mengenal pasti keperluan pendidikan semasa perlu diberikan tumpuan. Aset pengalaman dan kompetensi yang ada pada guru-guru pendidikan harus diintegrasikan selaras dengan Standard Guru Malaysia bagi menganalisis keperluan guru seterusnya membangunkan satu model TOD. Amalan memperluaskan pengalaman guru akan menajamkan kecekapan guru serta guru perlu mencipta pembaharuan pada amalan dan prosedur yang digunakan dalam pengajaran mereka.

Kebolehan mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi dalam suasana pendidikan yang realistik akan menentukan tahap kualiti seseorang guru. Proses pemilihan ke institusi perguruan merupakan proses pertama yang harus dilalui oleh seseorang itu. Berbekalkan pendidikan umum yang biasanya ada kaitan dengan kandungan asas yang diperlukan untuk pengkhususan kursus iaitu selepas terpilih memasuki institusi perguruan, seseorang itu akan mengikuti pendidikan pra perkhidmatan. Standard Guru Malaysia (KPM, 2009) yang digubal Kementerian Pelajaran Malaysia menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Kompetensi profesional yang dimaksudkan ialah guru perlu memiliki tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi.

Oleh itu, dalam menyahut cabaran tersebut, guru pendidikan Islam wajar menguasai pengetahuan pedagogikal kandungan kesemua bidang dalam pendidikan Islam dengan mantap. Contohnya dalam pengajaran aqidah menurut kajian Ahmad Yunus dan Ab. Halim (2010) kesesuaian pengetahuan kandungan guru mesti selari dengan tahap pemikiran murid, kepelbagaian

kaedah dan pendekatan pengajaran serta menekankan pengetahuan terhadap ciri-ciri dan kebolehan murid untuk membolehkan mereka mampu menggarap pengetahuan kandungan aqidah, menghayati dan menterjemahkannya dalam realiti kehidupan (Nur Hanani & Ab Halim, 2019). Dalam Standard Guru Malaysia (KPM, 2009) menggariskan bahawa kemahiran guru membuat pemilihan, penyediaan dan pengurusan bahan sumber yang sesuai, mencukupi, selamat dan pemanipulasian sumber diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Keberkesanan latihan pembangunan guru sedia ada mesti dinilai setepat mungkin bagi menyediakan dan memberi maklum balas latihan terdahulu, kemungkinan kecairan maklumat apabila hanya segelintir guru menghadiri kursus, menunjukkan sejauh mana objektif latihan tercapai, sebagai panduan perancangan program latihan akan datang, sebagai panduan meningkatkan mutu program latihan dan menyediakan data atau maklumat yang boleh mengesahkan perbelanjaan di dalam mengendalikan latihan. Maka dapat diringkaskan terdapat empat aspek utama yang perlu dilihat dalam menentukan tahap kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu:

a) Kemahiran Merancang P & P

Kemahiran merancang adalah penting dalam melaksanakan pengajaran berkesan. Pengajaran mestilah mengikut kesesuaian dan kemampuan murid. Seorang guru perlu merancang pengajaran agar selaras dengan tahap pemikiran, dan mengambil kira perbezaan individu di dalam bilik darjah supaya isi kandungan yang hendak disampaikan mudah difahami. Kajian Nur Hanani (2015) mendapati antara guru cemerlang menghasilkan pengajaran dengan berkesan kerana guru berjaya merancang pengajaran yang berstruktur. Hal ini kerana pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki guru membantu melancarkan perancangan pengajaran guru dan membolehkan mereka merancang, menghubungkan dan mencerakinkan isi pengajaran berasaskan tasawur yang jelas terhadap keseluruhan pengajaran secara holistik serta membuat perkaitan antara topik-topik pengajaran. Kemahiran merancang merupakan prasyarat untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. GPI sepatutnya berupaya menyediakan rancangan pengajaran tahunan berdasarkan sukatan pelajaran, takwim persekolahan dan peristiwa kebesaran Islam. Guru perlulah untuk membuat satu perancangan kurikulum untuk dilaksanakan dan sesuai dengan kemampuan pelajar (Taufik, 2007). Kejayaan setiap aktiviti menentukan objektif pelajaran, memilih isi pengajaran, memilih strategi dan kaedah pengajaran, merancang aktiviti P & P, memilih dan menyediakan bahan-bahan pelajaran merancang cara menguruskan kemudahan-kemudahan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran. Penentuan objektif pelajaran haruslah berdasarkan kepada saranan pelajaran, pengetahuan sedia ada murid dan perbezaan kebolehan mereka dan jangkaan pencapaian pelajar. Objektif yang dirancang berdasarkan berprinsip tingkah laku. Pemilihan isi pelajaran yang bakal disampaikan hendaklah boleh membantu pelajar mencapai objektif pelajaran mereka. Pemilihan strategi dan kaedah mengajar pula berkait rapat dengan pencapaian objektif pelajaran (Eggen, 2000) Aktiviti merancang pengajaran juga meliputi usaha memilih dan menyediakan bahan-bahan pelajaran untuk diguna pakai guru dan pelajar. Kerja merancang pengajaran pula meliputi pengurusan kemudahan-kemudahan dalam bilik darjah.

b) Kemahiran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran

Guru mesti mahir memotivasikan pelajar supaya bersedia belajar dan dalam masa yang sama menyampaikan isi pelajaran, membimbing menjalankan aktiviti pembelajaran, mengurus pelajar supaya mereka mempunyai disiplin diri, menggerakkan pelajar dengan aktiviti soal jawab supaya mendapat gerak balas mereka dan interaksi yang positif, membimbing pelajar menjalankan aktiviti

pengukuhan, memberi peneguhan dan menutup pelajaran dengan teknik yang sesuai supaya mendapat pengulangan tingkah laku yang positif sebelum guru menamatkan pengajaran (Zawawi & Ab. Halim, 2016; Kamarul & Ab. Halim, 2019,). Pelaksanaan rancangan mengajar satu proses yang penting kerana inilah masanya pelajar memperoleh ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diajar guru. Pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik diaplikasi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (P&P). GPI yang mahir berupaya mengintegrasikan kemahiran generik berikut seperti Kemahiran Pedagogi, Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemahiran Pemudahcaraan dan Kemahiran Belajar.

c) Kemahiran penilaian keberkesanan pengajaran dan pembelajaran

Amalan menilai selepas proses P&P amat penting untuk mengetahui kebaikan dan kelemahan pengajaran guru serta pembelajaran muridnya, lalu membaiki dan mengubahsuai rancangan, kaedah dan teknik mengajar ke arah meningkatkan keberkesanan pengajarannya. Guru yang mahir berusaha untuk mendapatkan maklumat dengan mengingat dan merenung kembali aktiviti pendidikan yang telah dialaminya, menganalisis dan menilai kesannya, termasuk memikirkan cara membaiki dan merancang dengan mengubah suainya untuk digunakan dengan lebih berkesan untuk sesi pembelajaran seterusnya (Abu Bakar Nordin 2003) Penilaian berlanjutan seperti diadakan setiap hari, atau setiap minggu dan dilakukan semenjak permulaan pengajian sehinggalah penghabisannya di mana ia disudahi dengan ujian akhir. Ia juga tidak hanya sekadar penilaian secara rasmi yang berupa peperiksaan sahaja malah ia juga turut memasukkan pemerhatian kepada tingkah laku pelajar (Taufik, 2007).

d) Kemahiran mengurus bilik darjah

Guru menjadi pengurus persekitaran pembelajaran dan pengajaran dengan memastikan ruang aktiviti pembelajaran secara kelas atau pembelajaran berasaskan masjid di surau sekolah atau di bilik media mempunyai ruang untuk aktiviti kumpulan. Guru hendaklah mahir memanipulasi ruang untuk aktiviti pengayaan dan pemulihan, aktiviti bacaan tambahan, perbincangan, bercerita, berkhotbah, main peranan dan praktikal wudhuk, tayammum, solat jenazah atau ibadah haji.

Kronowitz (2004) dalam Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh (2009). mencadangkan agar guru menyediakan satu sudut yang boleh membantu pelajar mengisi masa yang terluang dalam satu suasana yang berbeza berbanding bilik darjah mereka tetapi masih mengekalkan budaya belajar pada ruang tersebut seperti perpustakaan mini. Ruang ini bolehlah dihiasi dengan hiasan yang ringkas dan unik agar pelajar merasa selesa dan tenang. Guru juga boleh memastikan ada ruang-ruang pembelajaran untuk mempamerkan bahan-bahan pelajaran dan hasil kerja murid dalam kelas. Guru memantau sudut dan ruang tersebut dikelola dalam keadaan yang kemas, teratur, terkini serta dilengkapi dengan bahan-bahan pelajaran yang sesuai digunakan oleh pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran. Disamping itu, guru sebagai pengurus aktiviti berkumpul agar dilaksanakan mengikut rancangan dengan menggalakkan interaksi pelbagai hala iaitu interaksi diantara guru dan murid, diantara murid dengan murid, memupuk semangat kerjasama, toleransi dan hormat-menghormati serta menjaga adab-adab pergaulan.

Maka, dalam membangun model TOD pendidikan Islam, aspek yang dinyatakan di atas perlu diberikan penekanan sebaiknya. Sehubungan itu, dalam mendidik generasi abad 21 ini, para guru perlu memahirkan diri dengan pedagogi dan pendekatan terkini seperti e-learning, blended learning, MOOCs, mobile learning dan sebagainya. Aplikasi gabungan antara tradisional, konvensional serta pembelajaran terkini adalah amat penting dalam sistem pendidikan masa kini (Ab. Halim, 2016). Ini berkait rapat dengan kemudahan pembelajaran yang perlu disediakan oleh

pihak kerajaan untuk memaksimum keberkesanan pendidikan yang diberikan (Ab. Halim dan Kamarul Azmi, 2019). Perubahan reka bentuk pendidikan Islam terkini perlu dikaji dan disesuaikan pelaksanaannya dengan keperluan psikologi, pedagogi, kepelbagaian ilmu, masyarakat pihak industri serta masyarakat antarabangsa (Zamri, 2016). Mobile phone, tablet, laptop dan komputer boleh digunakan secara lebih meluas bagi menggantikan “kitab kuning tradisional” dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Ab. Halim, 2021). Penggunaan gajet mudah alih dapat mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan ia adalah bahan bantu sokongan kepada kaedah tradisional yang sedia ada seperti dalam bidang al-Quran dan bahasa.

Pendekatan seperti ini akan terus melestarikan ilmu-ilmu Islam kerana sesuai dipelajari sepanjang zaman dan masa yang sesuai dengan perkembangan generasi masa kini. Prinsip yang perlu difahami ialah apa juga proses latihan dalam pendidikan adalah satu keperluan dan ia boleh dibangunkan selagi mana tidak bercanggah dengan syarak. Malah, guru Pendidikan Islam perlu melengkapkan diri dengan Pengetahuan Pedagogikal Kandungan dalam pengajaran semua bidang. Kajian Ahmad Yunus dan Ab. Halim (2010) sebelum ini telah menyatakan pendekatan Pedagogical Content Knowledge (PCK) yang dimiliki Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dapat memudahkan guru memperjelaskan kefahaman konsep yang abstrak, memahamkan dalil secara naqli dan aqli, penghayatan nilai tauhid dan nilai ketuhanan serta mengaplikasi konsep dan nilai tersebut dalam kehidupan murid. Konsep pengajaran PCK tersebut hasil integrasi empat komponen utama iaitu komponen pengetahuan isi kandungan, komponen pengetahuan pedagogi subjek, komponen pengetahuan berkaitan murid dan komponen pengetahuan kurikulum. Maka terdapat keperluan kepada guru-guru diberikan pendedahan seperti program perkongsian ilmu dalam pengkhususan; latihan pembelajaran berasaskan masalah (problem based learning); latihan pembelajaran berasaskan simulasi; latihan pedagogi terkini mengikut kecerdasan pelbagai; aplikasi Teknologi Kemahiran Maklumat (TMK) dalam P&P; kaedah inovasi Pendidikan Islam dan aspek pengajaran khat dan Jawi. Selain itu, aspek pengajaran al-Quran seperti kaedah Rasm Uthmani dan tarannum perlu diberikan tumpuan oleh guru-guru. Aplikasi pendidikan abad ke-21 juga perlu diperluaskan seperti pembelajaran berasaskan inkuiri; kaedah bersepadu Pendidikan Islam; pembelajaran berasaskan konstruktivisme; pembelajaran berasaskan kontekstual dan kemahiran berfikir atas tingg (Wan Ali et. al, 2020). Maka, dapatlah difahami bawa elemen-elemen yang dinyatakan ini adalah sangat penting dalam membangunkan model TOD untuk guru-guru pendidikan Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan permasalahan guru Pendidikan Islam dalam amalan pengajaran mereka khususnya berkaitan tahap kemahiran P&P dan latihan berdasarkan keperluan mereka di sekolah. Objektif kajian ini ialah (i) mengenal pasti tahap kemahiran GPI dalam pengajaran dan pembelajaran, (ii) mengenal pasti tahap keperluan sebenar GPI terhadap latihan atau kursus yang diperlukan; (iii) dan mengkaji perbezaan kemahiran guru Pendidikan Islam dan keperluan guru terhadap latihan berdasarkan pengalaman mengajar mereka. Kajian ini telah dilaksanakan ke atas guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah aliran perdana (harian) iaitu sekolah-sekolah menengah kebangsaan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai responden di tiga daerah di negeri Selangor Darul Ehsan melibatkan 25 buah sekolah. Penyelidik telah membahagikan kepada tiga zon utama iaitu zon utara, tengah dan selatan. Zon utara diwakili daerah Gombak, zon tengah diwakili Hulu Langat manakala daerah Sabak Bernam mewakili zon selatan. Kajian ini memberi tumpuan mengenal pasti penyelesaian masalah kekurangan isu pembangunan kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Asas

utama ialah aspek tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran berasaskan Standard Guru Malaysia (SGM)

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan soal selidik menerusi soalan tertutup untuk mengumpulkan data. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 200 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam daripada 686 guru-guru daripada tiga daerah tersebut. Neuman (2003) pula menyatakan bagi mendapat darjah ketepatan yang tinggi bagi saiz populasi yang kecil iaitu kurang daripada 1000 orang, nisbah persampelan yang besar diperlukan iaitu dalam 30%. Daripada 686 orang populasi di tiga daerah, penyelidik telah menjalankan kajian ke atas 200 orang responden iaitu 30% daripada jumlah populasi yang ditetapkan oleh Neuman (2003). Satu borang soal selidik telah dibangunkan dengan memberikan fokus kepada 5 perkara iaitu kemahiran merancang; Kemahiran pengajaran dan pembelajaran; Kemahiran memantau, mentaksir dan menilai; Kemahiran mengurus bilik darjah; dan apakah keperluan guru terhadap TOD yang dicadangkan. Satu kajian rintis telah diadakan dan hasil ujian kebolehpercayaan daripada ujian itu adalah tinggi yang mana nilai koefisien Alpha Cronbach bagi soal selidik ini iaitu 0.974.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan seramai 200 orang guru pendidikan Islam sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di negeri Selangor. Seramai 34 orang (17.0%) guru lelaki dan seramai 166 orang (83.0%) guru perempuan telah dipilih sebagai sampel kajian. Bagi aspek pengalaman mengajar pula, seramai 16 orang (8.0%) guru berpengalaman kurang dari 5 tahun, seramai 31 orang (15.5%) guru berpengalaman 6 hingga 10 tahun dan seramai 153 orang (76.5%) guru yang berpengalaman lebih dari 11 tahun.

Satu analisis bagi setiap aspek dalam kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan dan analisis seperti berikut:

A. Kemahiran Merancang

Berikut adalah dapatan kajian berkaitan dengan aspek kemahiran merancang:

Jadual 1: Tahap kemahiran merancang guru Pendidikan Islam

Bil	Item kemahiran merancang	Kekerapan dan Peratus					Min	SP
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Merancang Rancangan Pengajaran Tahunan berdasarkan takwim	1 (0.5%)	0 (0%)	3 (1.5%)	90 (45.0%)	106 (53.0%)	4.50	0.585
2	Merencana objektif P&P dengan mengambil kira kebolehan dan keupayaan murid	1 (0.5%)	0 (0%)	1 (0.5%)	108 (54.0%)	90 (45.0%)	4.43	0.563
3	Menyediakan set induksi bercirikan islamik yang menarik perhatian dan	1 (0.5%)	0 (0%)	15 (7.5%)	128 (64.0%)	56 (28.0%)	4.19	0.605

	merangsang minat murid.								
4	Merancang isi pelajaran mengikut pemeringkatan berdasarkan prinsip pedagogi	1 (0.5%)	1 (0.5%)	6 (3.0%)	138 (69.0%)	54 (27.0%)	4.21	0.566	
5	Membentuk aktiviti P&P melibatkan murid secara optimum	1 (0.5%)	0 (0%)	18 (9.0%)	122 (61.0%)	59 (29.5%)	4.19	0.629	
6	Merancang bahan bantu belajar berintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi	0 (0%)	3 (1.5%)	45 (22.5%)	128 (64.0%)	24 (12.0%)	3.87	0.623	
7	Menyediakan bahan bantu belajar sesuai dengan objektif P&P	0 (0%)	1 (0.5%)	14 (7.0%)	137 (68.5%)	48 (24.0%)	4.16	0.553	
8	Menilai perancangan persediaan dari semasa ke semasa	0 (0%)	1 (0.5%)	10 (5.0%)	127 (63.5%)	62 (31.0%)	4.25	0.565	
Min Keseluruhan							4.22	0.432	

Jadual 1 menunjukkan setiap item dalam kemahiran merancang berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah merancang rancangan pengajaran tahunan berdasarkan takwim (min = 4.50 dan sp = 0.585). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah merancang bahan bantu belajar berintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (min = 3.87 dan sp = 0.623). Secara keseluruhan aspek kemahiran merancang berada pada tahap tinggi (min = 4.22 dan sp = 0.432).

B. Kemahiran Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran

Dapatan kajian berkaitan dengan aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran:

Jadual 2: Tahap kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran GPI

Bil	Item kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran	Kekerapan dan Peratus					Min	SP
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Menghubungkan ilmu dan kemahiran dengan amalan ibadah seharian murid	1 (0.5%)	0 (0%)	3 (1.5%)	87 (43.5%)	109 (54.5%)	4.52	0.584
2	Menggunakan pendekatan dan kaedah berpusatkan murid	0 (0%)	1 (0.5%)	26 (13.0%)	114 (57.0%)	59 (29.5%)	4.16	0.650
3	Melaksanakan aktiviti P&P yang mendorong pembelajaran sendiri	1 (1.5%)	1 (1.5%)	19 (9.5%)	131 (65.5%)	48 (24.0%)	4.12	0.623
4	Menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai	1 (0.5%)	0 (0%)	4 (2.0%)	123 (61.5%)	72 (36.0%)	4.32	0.567
5	Menggalakkan amalan muhasabah diri	1 (0.5%)	0 (0%)	1 (0.5%)	100 (50.0%)	98 (49.0%)	4.47	0.566

Keperluan Latihan Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam

6	Mengajukan soalan mengikut pelbagai aras kognitif untuk mendorong pemikiran kritis	2 (2.0%)	1 (0.5%)	18 (9.0%)	136 (68.0%)	43 (21.5%)	4.08	0.640
7	Memberi respon yang sesuai terhadap jawapan murid	1 (0.5%)	0 (0%)	3 (1.5%)	103 (51.5%)	93 (46.5%)	4.44	0.581
8	Membantu murid mengamalkan akhlak mahmudah dalam kehidupan	1 (0.5%)	0 (0%)	2 (1.0%)	73 (36.5%)	124 (62.0%)	4.59	0.568
9	Mempamerkan rasa peka terhadap keperluan murid yang bermasalah pembelajaran	1 (0.5%)	0 (0%)	4 (2.0%)	105 (52.5%)	90 (45.0%)	4.41	0.587
10	Menyesuaikan strategi P&P dengan murid	1 (0.5%)	0 (0%)	6 (3.0%)	114 (57.0%)	79 (39.5%)	4.35	0.591
11	Menyampai pengajaran secara fleksibel mengikut situasi dengan memberi bimbingan kerohanian.	1 (0.5%)	0 (0%)	5 (2.5%)	100 (50.0%)	94 (47.0%)	4.43	0.597
12	Mempunyai rasa keprihatinan dengan mengamalkan kasih sayang	1 (0.5%)	0 (0%)	1 (0.5%)	98 (49.0%)	100 (50.0%)	4.48	0.567
13	Menggunakan sumber P&P membantu pembelajaran murid	1 (0.5%)	0 (0%)	6 (3.0%)	130 (65.0%)	63 (31.5%)	4.27	0.565
14	Mengintegrasikan kemahiran berfikir dalam P&P	0 (0%)	2 (1.0%)	7 (3.5%)	132 (66.0%)	59 (29.5%)	4.24	0.560
15	Mengintegrasikan kemahiran pemudah cara dalam P&P	0 (0%)	3 (0.5%)	9 (4.5%)	135 (67.5%)	53 (26.5%)	4.19	0.579
16	Mengintegrasikan kemahiran menilai semasa P&P	0 (0%)	3 (1.5%)	13 (6.5%)	147 (73.5%)	37 (18.5%)	4.09	0.551
17	Mengintegrasikan kemahiran menyelesaikan masalah	0 (0%)	3 (1.5%)	11 (5.5%)	143 (71.5%)	43 (21.5%)	4.13	0.561
18	Mengintegrasikan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	0 (0%)	6 (3.0%)	42 (21.0%)	132 (66.0%)	20 (10.0%)	3.83	0.635
19	Membuat penutup kognitif atau sosial	0 (0%)	4 (2.0%)	25 (12.5%)	136 (68.0%)	35 (17.5%)	4.01	0.618
Tahap keseluruhan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran							4.27	0.435

Jadual 2 menunjukkan setiap item dalam kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap tinggi. Min yang paling tinggi ialah item membantu murid mengamalkan akhlak mahmudah dalam kehidupan (min = 4.59 dan sp = 0.568). Manakala min yang paling rendah ialah item mengintegrasikan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (min = 3.83 dan sp = 0.635). Secara keseluruhannya

menunjukkan bahawa kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap tinggi (min = 4.27 dan sp = 0.435).

C. Kemahiran Memantau, Mentaksir dan Menilai

Analisis berkaitan aspek pemantauan, pentaksiran dan penilaian adalah seperti yang berikut:

Jadual 3: Tahap kemahiran memantau, mentaksir dan menilai guru Pendidikan Islam

Bil	Item kemahiran memantau, mentaksir dan menilai	Kekerapan dan Peratus					Min	SP
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Melaksanakan muhasabah & penambahbaikan P&P	1 (0.5%)	0 (0%)	1 (0.5%)	124 (62.0%)	74 (37.0%)	4.35	0.547
2	Menggunakan strategi pentaksiran dan penilaian yang sesuai	0 (0%)	1 (0.5%)	10 (5.0%)	124 (62.0%)	65 (32.5%)	4.27	0.571
3	Melaksanakan pemantauan secara berterusan	0 (0%)	2 (1.0%)	9 (4.5%)	129 (64.5%)	60 (30.0%)	4.23	0.576
4	Menganalisis maklumat pemantauan bagi meningkatkan pencapaian murid	0 (0%)	2 (1.0%)	13 (6.5%)	129 (64.5%)	56 (28.0%)	4.20	0.591
5	Menganalisis maklumat pemantauan bagi meningkatkan sahsiah murid	1 (0.5%)	1 (0.5%)	15 (7.5%)	125 (62.5%)	58 (29.0%)	4.19	0.629
6	Merekod pencapaian akademik dan sahsiah murid	1 (0.5%)	0 (0%)	11 (5.5%)	106 (53.0%)	82 (41.0%)	4.34	0.630
7	Memberi ulasan terhadap pencapaian akademik dan sahsiah murid	0 (0%)	1 (0.5%)	13 (6.5%)	117 (58.5%)	69 (34.5%)	4.27	0.599
Tahap keseluruhan kemahiran memantau, mentaksir dan menilai							4.26	0.484

Jadual 3 menunjukkan setiap item dalam kemahiran memantau, mentaksir dan menilai guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah melaksanakan muhasabah dan penambahbaikan P&P (min = 4.35 dan sp = 0.547) dan item yang mempunyai min yang paling rendah ialah menganalisis maklumat pemantauan bagi meningkatkan sahsiah murid (min = 4.19 dan 0.629). Secara keseluruhan kemahiran memantau, mentaksir dan menilai berada pada tahap tinggi (min = 4.26 dan sp = 0.484).

D. Kemahiran Mengurus Bilik Darjah

Analisis deskriptif yang melibatkan item-item kemahiran mengurus bilik darjah adalah seperti berikut:

Jadual 4: Tahap kemahiran mengurus bilik darjah guru Pendidikan Islam

Bil	Item kemahiran mengurus bilik darjah	Kekerapan dan Peratus					Min	SP
		STS	TS	KS	S	SS		
1	Mewujudkan suasana 'iqlim dini' dalam	0 (0%)	1 (0.5%)	7 (3.5%)	102 (51.0%)	90 (45.0%)	4.40	0.585

	persekitaran pembelajaran								
2	Mewujudkan suasana yang ceria dan teratur	0 (0%)	1 (0.5%)	2 (1.0%)	106 (53.0%)	91 (0.5%)	4.43	0.545	
3	Menekankan persekitaran yang bersih seperti yang dituntut dalam Islam	1 (0.5%)	0 (0%)	1 (0.5%)	88 (44.0%)	110 (55.0%)	4.53	0.566	
4	Mewujudkan sudut ilmiah khas untuk Pendidikan Islam	1 (0.5%)	0 (0%)	26 (13.0%)	109 (54.5%)	64 (32.0%)	4.17	0.683	
5	Menyediakan sumber P&P mudah diakses	1 (0.5%)	2 (1.0%)	37 (18.5%)	127 (63.5%)	33 (16.5%)	3.95	0.659	
6	Membina hubungan dan kerjasama dalam bilik darjah antara guru dan murid	1 (0.5%)	0 (0%)	3 (1.5%)	97 (48.5%)	99 (49.5%)	4.47	0.584	
7	Membina hubungan dan kerjasama dalam bilik darjah antara murid dan murid	1 (0.5%)	0 (0%)	5 (2.5%)	105 (52.5%)	89 (44.5%)	4.40	0.594	
8	Memastikan akhlak mulia diamalkan dalam bilik darjah dengan memantau disiplin murid	1 (0.5%)	0 (0%)	1 (0.5%)	79 (39.5%)	119 (59.5%)	4.58	0.562	
Tahap keseluruhan kemahiran mengurus bilik darjah							4.37	0.477	T

Jadual 4 menunjukkan bahawa setiap item dalam kemahiran mengurus bilik darjah berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah memastikan akhlak mulia diamalkan dalam bilik darjah dengan memantau disiplin murid (min = 4.37 dan sp= 0.477). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah menyediakan sumber P&P mudah diakses (min = 3.95 dan sp = 0.659). secara keseluruhannya kemahiran mengurus bilik darjah berada pada tahap tinggi (min = 4.37 dan sp = 0.477).

Secara umumnya, dapatlah dirumuskan kemahiran guru yang paling tinggi ialah kemahiran mengurus bilik darjah, diikuti oleh kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, kemahiran memantau, mentaksir dan menilai serta kemahiran merancang. Berikut adalah analisis tahap kemahiran guru-guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 5: Tahap kemahiran guru-guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran

Aspek kemahiran guru	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Merancang	4.22	0.432	Tinggi
Melaksanakan Pengajaran & Pembelajaran	4.27	0.435	Tinggi
Memantau Mentaksir dan Menilai	4.26	0.484	Tinggi
Mengurus Bilik Darjah	4.37	0.477	Tinggi
Tahap kemahiran keseluruhan	4.28	0.416	Tinggi

Jadual di atas menunjukkan bahawa setiap aspek kemahiran guru berada pada tahap tinggi. Aspek yang mempunyai min yang paling tinggi ialah mengurus bilik darjah (min = 4.37 dan sp = 0.477). Manakala aspek yang mempunyai min yang paling rendah ialah kemahiran merancang (min = 4.22 dan sp= 0.432). Secara keseluruhan menunjukkan bahawa kemahiran guru pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 4.28 dan sp = 0.416).

E. Keperluan Guru Terhadap Training on Demand

Analisis deskriptif yang melibatkan aspek keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD. Hasil analisis seperti Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Tahap keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD

Bil	Item keperluan terhadap <i>Training on Demand</i>	Kekerapan dan Peratus					Min	SP
		STP	TP	KP	P	SP		
1	Program perkongsian ilmu dalam pengkhususan	0 (0%)	0 (0%)	2 (1.0%)	84 (42.0%)	114 (57.0%)	4.56	0.517
2	Latihan pembelajaran berasaskan masalah (problem-based learning)	0 (0%)	3 (1.5%)	16 (8.0%)	126 (63.0%)	55 (27.5%)	4.17	0.624
3	Latihan pembelajaran berasaskan simulasi	0 (0%)	1 (0.5%)	17 (8.5%)	116 (58.0%)	66 (33.0%)	4.23	0.618
4	Latihan pedagogi terkini mengikut kecerdasan pelbagai	0 (0%)	2 (1.0%)	9 (4.5%)	110 (55.0%)	79 (39.5%)	4.33	0.611
5	Aplikasi Teknologi Kemahiran (TMK) dalam P&P	0 (0%)	1 (0.5%)	10 (5.0%)	103 (51.5%)	86 (43.0%)	4.37	0.604
6	Kaedah Inovasi Pendidikan Islam	0 (0%)	0 (0%)	14 (7.0%)	99 (49.5%)	87 (43.5%)	4.37	0.611
7	Kaedah Rasm Uthmani	0 (0%)	0 (0%)	14 (7.0%)	98 (49.0%)	88 (44.0%)	4.37	0.612
8	Kursus Tarannum	1 (0.5%)	4 (2.0%)	19 (9.5%)	93 (46.5%)	83 (41.5%)	4.26	0.753
9	Latihan pembelajaran berasaskan inkuiri	0 (0%)	1 (0.5%)	17 (8.5%)	119 (59.5%)	63 (31.5%)	4.22	0.611
10	Kaedah bersepadu Pendidikan Islam	0 (0%)	0 (0%)	11 (5.5%)	104 (52.0%)	85 (42.5%)	4.37	0.587
11	Latihan pembelajaran berasaskan konstruktivisme	0 (0%)	1 (0.5%)	12 (6.0%)	122 (61.0%)	65 (32.5%)	4.25	0.585
12	Latihan pembelajaran berasaskan kontekstual	0 (0%)	2 (1.0%)	12 (6.0%)	121 (60.5%)	65 (32.5%)	4.25	0.606
13	Latihan pembelajaran berasaskan kemahiran berfikir kreatif & kritis	0 (0%)	2 (1.0%)	8 (4.0%)	114 (57.0%)	76 (38.0%)	4.32	0.599
14	Kaedah Khat dan Jawi	0 (0%)	3 (1.5%)	16 (8.0%)	97 (48.5%)	84 (42.0%)	4.31	0.683
Tahap keseluruhan keperluan guru Pendidikan Islam terhadap <i>Training On Demand</i>							4.31	0.469

Jadual 6 menunjukkan setiap item dalam keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD berada pada tahap tinggi. item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah Program perkongsian ilmu dalam pengkhususan (min = 4.56 dan sp = 0.517). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah latihan pembelajaran berasaskan masalah (problem-based learning) (min = 4.17 dan sp = 0.624). Secara keseluruhannya menunjukkan keperluan guru Pendidikan Islam terhadap semua aspek dalam TOD berada pada tahap tinggi (min = 4.31 dan sp = 0.469).

Analisis inferensi dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan kemahiran dan Keperluan Guru Terhadap TOD berdasarkan Pengalaman Mengajar Berikut adalah hasil ujian-t yang dijalankan:

Jadual 7: Ujian-t perbezaan kemahiran guru Pendidikan Islam (keseluruhan) berdasarkan pengalaman mengajar

Pembolehubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai	t	Df	Sig.
Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran GPI	10 tahun dan ke bawah	47	4.17	0.354	-2.210	91.448	0.030
	11 tahun dan ke atas	153	4.31	0.430			

Jadual 7 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran pengajaran dan pembelajaran (keseluruhan) guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai $t = -2.210$ dan sig 0.030 ($p < 0.05$). Dari segi min menunjukkan guru yang berpengalaman 11 tahun dan ke atas (min = 4.31 dan sp = 0.430) mempunyai kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang lebih tinggi dari guru yang berpengalaman 10 tahun dan ke bawah (min = 4.17 dan sp = 0.354). Ini bermakna hipotesis nol ($H_03.1$) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar adalah ditolak. Secara keseluruhan dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran guru pendidikan islam berdasarkan pengalaman mengajar. Oleh itu, hipotesis nol (H_03) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar adalah ditolak.

Jadual 8: Ujian-t perbezaan keperluan guru terhadap latihan berdasarkan pengalaman mengajar

Pembolehubah	Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai	t	Df	Sig.
Keperluan GPI kepada <i>Training on Demand</i> GPI	10 tahun dan ke bawah	47	4.31	0.509	0.003	70.358	0.997
	11 tahun dan ke atas	153	4.31	0.458			

Jadual 8 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan keperluan guru Pendidikan Islam terhadap latihan berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai $t = 0.003$ dan sig 0.997 ($p > 0.05$). Dari segi min menunjukkan guru yang berpengalaman 10 tahun dan ke bawah (min = 4.31 dan sp = 0.509) mempunyai keperluan terhadap TOD yang sama tinggi dengan guru yang berpengalaman 11 tahun dan ke atas (min = 4.31 dan sp = 0.458). Ini bermakna hipotesis

nol (Ho4) bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan keperluan guru Pendidikan Islam terhadap latihan berdasarkan pengalaman mengajar adalah diterima.

Berdasarkan, hasil kajian menunjukkan tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi dengan purata min 4.28 dan sisihan piawai 0.416. Ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran P & P guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi. Aspek yang mempunyai min yang paling tinggi ialah mengurus bilik darjah (min = 4.37 dan sp = 0.477). Manakala aspek yang mempunyai min yang paling rendah ialah kemahiran merancang (min = 4.22 dan sp = 0.432). Secara keseluruhan menunjukkan bahawa kemahiran guru pendidikan Islam berada pada tahap tinggi (min = 4.28 dan sp = 0.416). kemahiran guru yang paling tinggi ialah kemahiran mengurus bilik darjah. Kemudian diikuti oleh kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran, kemahiran memantau, mentaksir dan menilai serta kemahiran merancang. Analisis secara berasingan bagi setiap aspek dalam kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran dijalankan untuk melihat secara lebih terperinci lagi setiap item dalam aspek kemahiran guru.

Dari aspek kemahiran merancang item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah merancang rancangan pengajaran tahunan berdasarkan takwim (min = 4.50 dan sp = 0.585). Ini adalah disebabkan merancang pengajaran tahunan berdasarkan takwim amat dititikberatkan dalam pengurusan panitia dan menjadi agenda utama dalam mesyuarat panitia setiap awal tahun. Guru perlulah untuk membuat satu perancangan kurikulum untuk dilaksanakan dan sesuai dengan kemampuan pelajar (Taufik 2007).

Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah merancang bahan bantu belajar berintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (min = 3.87 dan sp = 0.623). Kajian Ab Halim et al. (2004) mendapati tahap penggunaan alat bantu pengajaran dalam P & P Pendidikan Islam di sekolah menengah masih berada pada tahap yang tidak memuaskan khususnya yang berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Menerusi aspek kemahiran melaksanakan P & P, dapatan menunjukkan setiap item dalam kemahiran tersebut berada pada tahap tinggi. Min yang paling tinggi ialah item membantu murid mengamalkan akhlak mahmudah dalam kehidupan (min = 4.59 dan sp = 0.568). Manakala min yang paling rendah ialah item mengintegrasikan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (min = 3.83 dan sp = 0.635).

GPI perlu melengkapkan diri dengan kemahiran kaedah pedagogi untuk menjadikan proses pengajaran pembelajaran lebih berkesan. Ab Halim dan Nik Rahimi (2008) juga berpendapat sekiranya mata pelajaran Pendidikan Islam ingin dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang diminati oleh pelajar, mudah difahami secara teori dan praktikal, maka para guru yang bertindak sebagai tenaga pengajarnya perlu didedahkan dengan pelbagai teknik dan strategi pengajaran pembelajaran yang lebih berkesan. Untuk melengkapkan guru dengan kemahiran TMK dalam kalangan guru Pendidikan Islam, mereka perlulah diberi latihan bagi meningkatkan keterampilan dalam penggunaan strategi P & P dengan menggunakan komputer. Pendedahan kepada asas komputer ini akan dapat menarik minat GPI untuk menggunakannya dalam proses P & P. Fungsi komputer dalam pendidikan Islam juga hampir sama peranannya dengan mata pelajaran yang lain, iaitu merangkumi segala sumber ilmu pengetahuan, tutor pengganti, penyimpan pelbagai maklumat dan juga sebagai perangsang seperti program simulasi untuk pelajar mempraktikkan sesuatu pelajaran (Zaidi & Ab. Halim 2011)

Manakala, aspek kemahiran memantau, mentaksir dan menilai menggariskan item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah melaksanakan muhasabah dan penambahbaikan P&P (min = 4.35 dan sp = 0.547) dan item yang mempunyai min yang paling rendah ialah menganalisis maklumat pemantauan bagi meningkatkan sahsiah murid (min = 4.19 dan 0.629). Secara keseluruhan kemahiran memantau, mentaksir dan menilai berada pada tahap tinggi (min = 4.26 dan sp = 0.484). Berbeza dengan dapatan Mahasri et al. (2008) yang menyatakan bahawa guru tidak berkemahiran membuat penilaian sebagai refleksi untuk pembelajaran seterusnya. Menurut Al-Qabisi, penilaian berlanjutan seperti diadakan setiap hari, atau setiap minggu dan dilakukan semenjak permulaan pengajian sehinggalah penghabisannya di mana ia disudahi dengan ujian akhir. Ia juga tidak hanya sekadar penilaian secara rasmi yang berupa peperiksaan sahaja malah ia juga turut memasukkan pemerhatian kepada tingkah laku pelajar (Taufik, 2007).

Bagi aspek kemahiran mengurus bilik darjah menunjukkan setiap item dalam kemahiran mengurus bilik darjah berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah memastikan akhlak mulia diamalkan dalam bilik darjah dengan memantau disiplin murid (min = 4.37 dan sp= 0.477). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah menyediakan sumber P&P mudah diakses (min = 3.95 dan sp = 0.659). Secara keseluruhannya kemahiran mengurus bilik darjah berada pada tahap tinggi (min = 4.37 dan sp = 0.477). Guru menentukan suasana bilik darjah dengan mewujudkan 'iqlim dini', persekitaran yang membatasi antara pelajar lelaki dan perempuan dengan memastikan akhlak mahmudah diamalkan. Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh (2009) menyatakan salah satu ciri yang asas untuk menjadi guru yang baik adalah kemampuan mengurus bilik darjah dan mengawal tingkah laku pelajar agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar. Untuk menguruskan bilik darjah dengan baik, guru memerlukan ketekalan, kesedaran tentang erti keadilan, semangat juang yang tinggi dalam memahami fasa psikologi dan tahap perkembangan pelajar, berfikiran terbuka dan bersedia untuk belajar dari kesalahan agar guru dapat mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah seterusnya kecemerlangan pelajar itu sendiri. Fungsi utama sebagai seorang guru, adalah berusaha untuk memotivasi pelajar untuk belajar. Ini boleh berlaku sekiranya guru boleh membuat pelajar memberi sepenuh perhatian, berdisiplin dan bertingkah laku baik semasa sesi pengajaran.

Perancangan pembangunan dibuat untuk membolehkan sesebuah sekolah atau institusi itu menyusun organisasi mereka dengan lebih berkesan dan berjaya. Sesuatu perancangan itu perlu selari dengan matlamat sesebuah sekolah atau institusi pendidikan seterusnya bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam untuk menjamin pencapaian pelajarinya duniawi dan ukhrawi. Maka, keperluan guru terhadap sesuatu kursus wajar diberi perhatian supaya matlamat akhir pendidikan direalisasikan.

Dapatan keperluan guru menunjukkan setiap item dalam keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD berada pada tahap tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah program perkongsian ilmu dalam pengkhususan (min = 4.56 dan sp = 0.517). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah latihan pembelajaran berasaskan masalah (problem-based learning) (min = 4.17 dan sp = 0.624). Secara keseluruhannya menunjukkan keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD berada pada tahap tinggi (min = 4.31 dan sp = 0.469). TOD perlu menyediakan latihan berdasarkan bidang dalam P & P Pendidikan Islam. Terdapat lapan bidang dalam mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu Tilawah, Hafazan, Ayat Kefahaman, Aqidah, Ibadah, Sirah, Akhlak dan Tulisan Jawi yang menuntut pelbagai kemahiran guru sesuai dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Dengan menghadiri TOD, GPI dapat memperkembangkan

ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka dalam bidang pendidikan yang diperlukan oleh mereka. Jasmi Amin (2011) menyatakan keperluan pelaksanaan seminar untuk memantapkan ilmu dan kemahiran serta perkongsian pengalaman agar kecekapan mereka dapat ditingkatkan sesuai dengan kehendak dan perkembangan semasa.

Selain daripada itu, didapati terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar dengan nilai $t = -2.210$ dan sig 0.030 ($p < 0.05$). Dapatan menunjukkan guru yang berpengalaman 11 tahun dan ke atas mempunyai kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang lebih tinggi dari guru yang berpengalaman 10 tahun dan ke bawah. Namun, analisis terhadap tahap keperluan guru-guru pendidikan Islam terhadap TOD menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan malah skor min menunjukkan kedua-dua kumpulan guru mempunyai tahap keperluan yang sama iaitu 4.31. Dari segi min menunjukkan guru yang berpengalaman 10 tahun dan ke bawah (min = 4.31 dan $sp = 0.509$) mempunyai keperluan terhadap TOD yang sama tinggi dengan guru yang berpengalaman 11 tahun dan ke atas (min = 4.31 dan $sp = 0.458$). Ternyata, guru berpengalaman 10 tahun ke bawah dan 11 tahun ke atas menunjukkan keperluan yang tinggi terhadap keperluan TOD. Maka, aspek perlu diberikan tumpuan usaha dalam meningkatkan kemahiran dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, dapatlah dirumuskan bahawa tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi kemahiran melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi kemahiran memantau, mentaksir dan menilai dan kemahiran mengurus bilik darjah berdasarkan persepsi individu guru. Tahap keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD GPI berada juga pada tahap tinggi iaitu 93.5% berbanding hanya 6.5% guru berpendapat keperluan mereka berada pada tahap sederhana. Hal ini bermakna keperluan GPI kepada latihan yang lebih khusus, terancang, terperinci, bersistematik dan berstruktur adalah diperlukan. Dengan demikian, pembangunan TOD GPI boleh dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan tersebut. Seterusnya, sejumlah 198 dari 200 responden menyatakan keperluan kepada program perkongsian ilmu yang membuktikan kesediaan mereka mengikut TOD. Terdapat perbezaan min yang signifikan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar. Ini menunjukkan bahawa kemahiran guru berdasarkan pengalaman mengajar menunjukkan perbezaan yang ketara di mana guru yang berpengalaman 11 tahun ke atas lebih tinggi skor min daripada guru yang berpengalaman 10 tahun dan ke bawah. Namun begitu, tahap kemahiran kedua-dua kategori masih berada pada tahap tinggi. Ini beerti perbezaan pengalaman mengajar mempengaruhi tahap kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam. Namun, tidak terdapat perbezaan min yang signifikan keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD berdasarkan pengalaman mengajar. Ini bermakna faktor pengalaman sama ada guru berpengalaman 10 tahun dan ke bawah atau pun 11 tahun dan ke atas tidak mempengaruhi tahap keperluan guru Pendidikan Islam terhadap TOD GPI. Malah skor min menunjukkan keperluan tahap tinggi yang sama terhadap latihan berdasarkan keperluan tersebut oleh semua guru-guru pendidikan Islam merentasi pengalaman bekerja. Reka bentuk TOD mengemukakan tiga aspek yang harus dititiberat dalam pembinaannya iaitu asas, kemahiran pengajaran dan pembelajaran dan aspek pemantapan. Dengan mengambil kira keperluan guru-guru pendidikan TOD hendaklah mengenal pasti pelbagai jenis kursus diperlukan guru Pendidikan Islam yang terangkum di dalamnya tiga aspek penting tersebut.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim dan Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Kajian Fakulti Pendidikan UKM dan JAPIM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2011. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. 2015. "Standardization of Islamic Education Excellence in The World". Tinta Artikulasi Membina Ummah.1(2): 109-120.
- Ab. Halim Tamuri. 2016. "Keberkesanan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Mata pelajaran Pendidikan Islam" dalam Mohd Farid Mohd Shahrin dan Nor Hartini Saari. Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. 1-30
- Ab. Halim Tamuri & Zawawi Ismail. 2016. "Keberkesanan Pendidikan Islam dalam Pendidikan Kebangsaan: Peranan guru" dalam Mohd Farid Mohd Shahrin & Nor Hartini Saari (pytn). Guru cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan cabaran. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. 61-78
- Ab. Halim Tamuri. 2021. "The Strength of Islamic Studies in The Current Evolution of The Industrial Revolution 4.0" Kertas kerja dibenteng dalam International Conference on Contemporary Islamic Studies (ICIS 2021) 8hb Jun 2021 anjuran Academy of Comtemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Selangor, Malaysia
- Abu Bakar Noordin et. al. 2003. *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab. Halim Tamuri. 2010. *Pengetahuan pedagogikal kandungan (ppk) pengajaran Akidah: kajian kes guru cemerlang Pendidikan Islam*. Journal of Islamic and Arabic Education. 2(2):13-30
- Alias Mat Saad, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Ruhizan Mohammad Yassin. 2011. *Penilaian kemudahan pembelajaran, peruntukan kewangan dan kursus dalam perkhidmatan bagi kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia*. Journal of Islamic & Arabic Education. 3(1):123 – 134.
- Chien-Hung Liu, Tzu-Chiang Chiang & Yueh-Min Huang. 2007. *Assessment of Effectiveness of Web-based Training on Demand*. Interactive Learning Environment. 15(3): 217-235
- Enggen, P. 2000. *Strategies for Teachers Teaching Content and Thinking Skills*. Columbus. OH: Merrill
- Faizah Yunus. 2003. "Analisis keperluan latihan". Malaysian Journal of Social Administartion. 2: 1-19.
- Jasmi Amin. 2011. *Surau sekolah dalam pengajaran & pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan Melaka*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2019. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM
- Lilia Halim, Mohamad Idris Abdul Hamid, T. Subahan M. Meerah dan Kamisah Osman. 2006. *Analisis keperluan guru-guru sains sekolah rendah dalam aspek pengajaran sains di daerah Kota Setar Kedah*. Jurnal Teknologi, 44(E),13-30
- Mahasri Shobahiya, Zaenal Abidin dan Suharjianto. 2008. *Model Pembinaan Guru Pendidikan Agama Islam melalui in Service Training Desain Pembelajaran*. Varia Pendidikan. 20(1):1-14.

- Muhammad Faizal A. Ghani & Abd. Khalil Adnan. 2015. "Model program perkembangan profesionalisme guru malaysia: satu kajian analisis keperluan di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah". Jurnal Kepimpinan Pendidikan. 2(2): 1-16.
- Mohd Izham Mohd Hamzah & Mazlan Sirat. 2018. "Tahap pelaksanaan latihan dalam perkhidmatan dan hubungannya dengan pengalaman mengajar serta kekerapan menghadiri latihan guru sekolah rendah berprestasi tinggi di Putrajaya". Jurnal Pendidikan Malaysia. 43(1): 17-23.
- Mohd Hasani Dali & Mohamad Johdi Salleh (2009). *Pengurusan bilik darjah*. Dlm. Noraini Idis dan Shuki Osman, Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur: McGraw Hill. pp. 161 – 188.
- M. Wilson, Suzanne, J. Rozalle, Jeffrey & N. Mikeska, Jamie. 2011. *Cacophony or embarrassment of riches: building a system of support for quality teaching*. Journal of Teacher Education. 62 (4): 383-394
- Nasiriah Md. Yusuff. 2001. *Latihan dalam perkhidmatan: bidang keperluan dalam kalangan guru kanan mata pelajaran*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Neuman, W.L. 2003. *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Needham Heights: Allyn and Bacon.
- Nur Hanani Hussin. 2015. *Pengajaran Ibadat Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Hanani Hussin & Ab. Halim Tamuri. 2017. *Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. The Online Journal of Islamic Education. 5(2): 20-28
- Nur Hanani Hussin & Ab Halim Tamuri, 2019. *Embedding values in teaching Islamic education among excellent teachers*. Journal for Multicultural Education. 13(1): 2-18.
- Rafisah Osman. 2009. *Hubungan kualiti penyeliaan pengajaran dan pembelajaran dengan komitmen dan efikasi guru*. Tesis Doktor Falsafah. Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Taufik Mukmin. 2007. *Analisis klasifikasi dan integrasi pengetahuan dari perspektif Ibnu Khaldun dan aplikasinya dalam kurikulum*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Karagiorgi, Y & Symeou, L., 2007. *Teacher's in-service training needs in Cyprus*. European Journal of Teacher Education. 30 (2):175-194
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar dan Ab. Halim Tamuri. 2020. *Aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam Mengikut Bidang*. Sains Insani. 5(1): 14-21.
- Zaidi Ismail dan Ab. Halim Tamuri. 2011. *Pengajaran Berasaskan Komputer: Asas Pelaksanaan Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Abdul Rahim. 2016. "Cabaran mendidik generasi digital" dalam Mohd Farid Mohd Shahrhan & Nor Hartini Saari (pytn). *Guru cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. 127-136
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab Halim Tamuri, Siti Suhaila Ihwani, Mohd Faez Ilias dan Mardhiah Yahaya. 2020. *Model Kurikulum Integrasi dalam Kurikulum Pendidikan Islam*. Islamiyyat. 42(Isu Khas): 51-58.

DOKUMEN AWAM

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2009. *Standard Guru Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2009. *Garis Panduan Pengoperasian Latihan Dalam Perkhidmatan*. Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan*.